

SULIT

3756/1

3756/1  
PRINSIP  
PERAKAUNAN  
KERTAS 1  
NOVEMBER 2021  
1 JAM 15 MINIT

NO KAD PENGENALAN

							-			-				
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

Nama Pelajar : .....

Tingkatan : .....



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
(CAWANGAN KELANTAN)**

---

**PERCUBAAN SPM  
2021**

---

**PRINSIP PERAKAUNAN  
KERTAS 1  
MASA : SATU JAM LIMA BELAS MINIT**

---

**Arahan :**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Setiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Pilih **satu** jawapan sahaja.*
4. ***Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
5. *Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

---

Kertas soalan ini mengandungi **16** halaman bercetak

3756/1 © 2021 Hak Cipta MPSM Cawangan Kelantan



KOLEKSI 3756 PERCUBAAN SPM 2021

**SULIT**  
**[LIHAT HALAMAN SEBELAH]**

- 1 Pernyataan berikut adalah tentang ciri kualitatif penyata kewangan.

Maklumat dalam Penyata Kewangan mesti bebas daripada kesilapan material dan tiada unsur berat sebelah serta pelaporannya tidak mengelirukan.

- A Kerelevanan  
 B Perwakilan benar  
 C Kebolehbandingan  
 D Kebolehfahaman
- 2 Maklumat yang berikut adalah amalan perekodan perakaunan Zaza Enterprise.

Aset Bukan Semasa	Kaedah pengiraan susut nilai	
	2020	2021
Kenderaan	20% setahun kaedah kos	20% setahun kaedah baki berkurangan

Apakah prinsip perakaunan yang gagal dipatuhi oleh Zaza Enterprise dalam amalan perekodan perakaunan tersebut?

- A Ketekalan  
 B Prinsip kos  
 C Entiti berasingan  
 D Pengiktirafan hasil dan belanja
- 3 Antara yang berikut, yang manakah merupakan item dalam Akaun Perdagangan dan Untung Rugi?
- A Belian, Angkutan keluar dan Bank  
 B Jualan, Belian dan Inventori Alat-alat kecil  
 C Jualan, Insurans atas belian dan Diskaun diberi  
 D Belian, Angkutan masuk dan Inventori Alat tulis

- 4 Berikut merupakan urus niaga yang diambil daripada Nusa Trading.

Pemilik mengeluarkan barang niaga untuk kegunaan keluarganya.

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Berkurang	Tiada kesan	Berkurang
B	Berkurang	Berkurang	Tiada kesan
C	Bertambah	Tiada kesan	Bertambah
D	Bertambah	Bertambah	Tiada kesan

- 5 Alia Enterprise mempunyai carta akaun seperti berikut:

Kod Item	Nama Akaun
1000 – 1999	Aset
2000 – 2999	Liabiliti
3000 – 3999	Ekuiti Pemilik
4000 – 4999	Belanja
5000 – 5999	Hasil
6000 – 6999	Catatan Kontra

Apakah kod item yang sesuai bagi akaun **Ambilan**?

- A 1101
- B 3101
- C 4101
- D 6101

6 Pilih padanan yang betul.

	Dokumen	Keterangan
A	Nota Debit	Dihantar untuk memberitahu pembeli bahawa baki hutangnya telah berkurang.
B	Nota Kredit	Dihantar untuk memberitahu pembeli bahawa baki hutangnya telah bertambah.
C	Makluman Debit	Dihantar oleh pihak bank kepada pemegang akaun untuk memaklumkan bahawa baki akaunnya telah berkurang.
D	Makluman Kredit	Dihantar kepada pelanggan kerana berlakunya pulangan belian dan pulangan jualan.

7 Padanan manakah yang betul?

	Dokumen	Buku Catatan Pertama
I	Nota Debit	Jurnal Pulangan Belian
II	Nota Kredit	Jurnal Pulangan Jualan
III	Invois	Jurnal Belian
IV	Invois	Jurnal Am

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

8 Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Maju.

<p>2021</p> <p>Mac 5 Belian barang niaga pada harga senarai RM6 000</p> <p style="padding-left: 40px;">Diskaun niaga 10%</p> <p style="padding-left: 40px;">Diskaun tunai 5% 10 hari; 2% 15 hari</p>
--

Berapakah jumlah yang perlu dibayar jika hutang dijelaskan pada 16 Mac 2021?

- A RM5 130
- B RM5 292
- C RM5 700
- D RM5 880

9 Urus niaga manakah yang akan direkodkan dalam Jurnal Khas?

- I Membeli perabot secara kredit untuk dijual
- II Memulangkan barang niaga yang rosak kepada pembekal
- III Membeli komputer secara kredit untuk kegunaan pejabat
- IV Pemilik membawa masuk kenderaan miliknya ke dalam perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10 Maklumat berikut diambil daripada Buku Tunai Runcit Makmur Enterprise bagi bulan September 2021.

Baki awal	RM 45
Jumlah penerimaan	RM255
Jumlah pembayaran	RM275

Berdasarkan Sistem Panjar, berapakah jumlah wang yang perlu dituntut daripada juruwang bulan Oktober 2021?

- A RM255
- B RM275
- C RM300
- D RM575

11. Antara berikut yang manakah tujuan pembahagian lejar?

- I Mudah untuk membuat rujukan
- II Kesilapan dapat diminimumkan
- III Menyemak ketepatan catatan bergu
- IV Mudah untuk menyediakan penyata kewangan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

12. Berikut merupakan urus niaga yang dipetik daripada buku Perniagaan Kencana.

Membayar insurans kediaman dengan tunai perniagaan

Catatan bergu yang betul ialah:

- A Debit Insurans, Kredit Tunai
- B Debit Ambilan, Kredit Tunai
- C Debit Tunai, Kredit Insurans
- D Debit Tunai, Kredit Ambilan

13. Baki-baki akaun berikut yang manakah direkodkan dibahagian kredit Imbangan Duga?

- A Angkutan masuk
- B Angkutan keluar
- C Pulangan masuk
- D Pulangan keluar

14. Urus niaga berikut di ambil daripada buku Perniagaan Sezaman.

Belian perabot dari Kedai Mazwin telah direkodkan ke dalam Kedai Azwin.

Apakah jenis kesilapan tersebut?

- A Kesilapan prinsip  
 B Kesilapan komisen  
 C Kesilapan terbalik atau songsang  
 D Kesilapan saling mengimbangi
15. Manakah pengiraan kos barang untuk dijual
- A Inventori awal – inventori akhir  
 B Inventori awal + inventori akhir  
 C Inventori awal + kos belian  
 D Inventori awal + kos jualan
16. Pada 30 Jun 2021 inventori akhir Perniagaan Qaree adalah seperti berikut:

	Harga kos (RM)	Harga pasaran (RM)
Item A	2 170	2 480
Item B	3 300	2 900

Berapakah nilai inventori akhir dalam Penyata Kewangan?

- A RM5 780  
 B RM5 470  
 C RM5 380  
 D RM5 070
17. Antara berikut yang manakah dikategorikan sebagai Aset Semasa.
- A Faedah atas pinjaman belum bayar  
 B Faedah atas simpanan belum terima  
 C Kadar bayaran belum bayar  
 D Komisen belum terperoleh

18 Pada 1 September 2020 Perniagaan Setia Khidmat telah menerima sewa sebanyak RM22 800 untuk tempoh setahun. Tempoh perakaunan berakhir 31 Disember 2020. Apakah pelarasan yang perlu diambil kira pada 31 Disember 2020?

- A Sewa belum terperoleh RM15 200
- B Sewa belum terima RM15 200
- C Sewa belum terperoleh RM7 600
- D Sewa belum terima RM7 600

19. Berikut ialah petikan Imbangan Duga daripada Kedai Mewah Bangsa pada 30 Jun 2021

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Kenderaan	56 000	
Susut nilai Terkumpul Kenderaan		5 600

Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Berapakah susut nilai terkumpul kenderaan yang akan dipindahkan ke dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2021?

- A RM5 040
- B RM5 600
- C RM10 640
- D RM11 200

20 Kesilapan manakah merupakan kesilapan prinsip?

- A Bayaran sewa RM250 secara tunai hanya direkod dalam Buku Tunai
- B Belian alatan pejabat RM900 dicatat dalam Akaun Belian
- C Angkutan masuk terlebih rekod RM320
- D Jualan kredit RM1 400 kepada Kedai Hamsiah telah direkod dalam Akaun Kedai Hasmah



- 21 Maklumat berikut diambil daripada buku Sarah Trading

Belian perabot secara kredit RM2 600 daripada Kedai Perabot Elit telah didebitkan dalam Akaun Kedai Perabot Elit dan dikreditkan dalam Akaun perabot

Bagaimanakah kesilapan ini dapat diperbetulkan?

	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
A	Perabot RM2 600	Kedai Perabot Elit RM2 600
B	Kedai Perabot Elit RM2 600	Perabot RM2 600
C	Perabot RM5 200	Kedai Perabot Elit RM5 200
D	Kedai Perabot Elit RM5 200	Perabot RM5 200

22. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Zaki bagi tahun berakhir 31 Mac 2021

Untung kasar RM19 348

Kesilapan berikut telah ditemui:

- i) Jualan komputer terpakai RM800 tersilap catat dalam Akaun Jualan
- ii) Pulangan keluar RM180 telah dicatat sebagai pulangan masuk

Hitung untung kasar selepas pembetulan kesilapan dibuat

- A RM20 328
  - B RM19 968
  - C RM18 908
  - D RM18 728
23. Apakah nisbah yang digunakan untuk mengukur keupayaan sesebuah perniagaan menjelaskan liabiliti semasa mengikut masa yang ditetapkan?
- A Nisbah Semasa
  - B Nisbah Ujian Asid
  - C Tempoh Pembayaran Hutang
  - D Tempoh Kutipan Hutang

24. Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Chew

Margin Untung Kasar 20%
-------------------------

Yang manakah benar tentang pernyataan tersebut?.

- A Bagi setiap RM1 untung kasar, kos jualan ialah 20 sen
- B Bagi setiap RM1 untung kasar, jualan bersih ialah 20 sen
- C Bagi setiap RM1 kos jualan, untung kasar ialah 20 sen
- D Bagi setiap RM1 jualan bersih, untung kasar ialah 20 sen

25. Maklumat berikut diperoleh daripada Butik Maya pada 31 Januari 2021

	RM
Jualan	45 960
Untung kasar	9 100
Inventori Purata	6 200

Hitung Kadar pusing ganti inventori

- A 8.88 kali
- B 5.95 kali
- C 5.73 kali
- D 4.37 kali

26. Pilih rumus yang betul

- I Belanja sebenar = Belanja dibayar + Belanja prabayar awal – Belanja prabayar akhir
  - II Belanja sebenar = Belanja dibayar + Belanja belum bayar awal – Belanja belum bayar akhir
  - III Hasil sebenar = Hasil diterima + Hasil belum terima awal – Hasil belum terima akhir
  - IV Hasil sebenar = Hasil diterima + Hasil belum terperoleh awal – Hasil belum terperoleh akhir
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 27 Maklumat berikut diperoleh daripada Benjamin Enterprise pada 31 Disember 2020

	RM
Baki Akaun Belum Terima 1 Januari 2020	34 500
Baki Akaun Belum Terima 31 Disember 2020	29 800
Penerimaan daripada Akaun Belum Terima	33 940
Jualan tunai	18 700

Hitung jualan kredit

- A RM47 940  
 B RM38 640  
 C RM30 360  
 D RM29 240
- 28 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Aleya Trading pada 31 Mei 2021.

**Penyata bank menunjukkan baki kredit RM11 433**

Apakah maksud pernyataan ini?

- A Baki akhir di bank menunjukkan baki RM11 433  
 B Baki akhir di bank menunjukkan baki overdraf RM11 433  
 C Baki akhir Buku Tunai menunjukkan baki RM11 433  
 D Baki akhir Buku Tunai menunjukkan baki overdraf RM11 433
- 29 Manakah butiran yang terdapat dalam Penyata bank tetapi tidak direkod di Buku Tunai yang menyebabkan baki Buku Tunai berkurang catat?
- I Caj bank  
 II Dividen  
 III Faedah simpanan  
 IV Faedah overdraf
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

30. Antara berikut, item manakah yang dicatat dalam Ekuiti Pemilik bagi sebuah perniagaan perkongsian?
- A Untung bersih
  - B Modal pekongsi
  - C Ambilan pekongsi
  - D Rugi bersih
31. Antara yang berikut, pernyataan manakah benar tentang Bahagian IV Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961?
- I Faedah akan dibayar ke atas modal pekongsi
  - II Untung dan rugi akan dibahagi mengikut nisbah modal
  - III Pinjaman daripada pekongsi tertakluk kepada kadar faedah 8%
  - IV Tiada pekongsi berhak mendapat gaji kerana menguruskan perniagaan perkongsian
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

32.

## Akaun Realisasi (petikan)

	RM		RM
Lengkapan	4 400	Bank	34 500
Kenderaan	26 800	bank	1 500
Inventori	4 350	Modal Rose (2/3)	X
Akaun Belum Terima	1 350	Modal Nabil (1/3)	Y

Berapakah nilai X?

- A Rugi Realisasi RM600
- B Untung Realisasi RM600
- C Rugi Realisasi RM900
- D Untung Realisasi RM900

33. Dividen ialah sebahagian daripada keuntungan syarikat yang dibayar kepada para pemegang syer. Pengiraan dividen berdasarkan

- A Modal berbayar
- B Modal diterbitkan
- C Modal belum diterbitkan
- D Modal diterbitkan dan berbayar penuh

34. Pada 1 Januari 2020, Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh bagi Syarikat Tekun Berhad ialah RM1 900 000 yang terdiri daripada 800 000 unit Syer Biasa RM400 000 dan 750 000 unit 8% Syer Keutamaan RM1 500 000.

Pada 31 Disember 2020, syarikat telah mengisytiharkan pembayaran dividen kepada pemegang 8% Syer Keutamaan dan dividen sebanyak 8 sen kepada pemegang Syer Biasa.

Berapakah jumlah dividen yang perlu dibayar kepada pemegang Syer?

- A RM64 000
- B RM120 000
- C RM184 000
- D RM240 000

35. Antara berikut, item manakah yang akan dikreditkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan sesebuah kelab?

- I Honorarium
- II Kutipan derma
- III Yuran pertandingan
- IV Suratkhbar dan majalah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

36. Data berikut diperoleh daripada Kelab Pelancongan Malaysia pada 1 Januari 2021.

	RM
Bangunan Kelab	100 000
Kenderaan	40 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	4 000
Tunai di bank	10 000
Akhbar dan majalah belum bayar	115
Yuran belum terima	1320
Yuran belum terperoleh	420

Hitung dana terkumpul awal.

- A RM147 625
- B RM146 785
- C RM144 985
- D RM144 145

37. Maklumat di bawah ini dipetik daripada buku Kelab Sukan Bitara pada 31 Disember 2020. Bilangan keahlian seramai 70 orang dengan yuran tahunan sebanyak RM45 setiap orang ahli.

	1 Januari 2020 (RM)	31 Disember 2020 (RM)
Yuran belum terima	200	?
Yuran belum terperoleh	400	300

Buku Tunai (petikan)

Yuran	2 750
-------	-------

Berapakah yuran belum terima akhir kelab tersebut?

- A RM300
- B RM400
- C RM500
- D RM700

38 Antara berikut, item manakah dicatat dalam Akaun Pengeluaran?

- I Royalti
  - II Belanja alat-alat kecil
  - III Angkutan keluar
  - IV Gaji jurujual
- 
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

39. Maklumat berikut ialah kos pengeluaran bagi 500 pasang kasut.

	RM
Kos Tetap	4 800
Harga jualan seunit	70
Kos berubah seunit	30

Hitung Titik Pulang Modal dalam RM bagi pengeluaran kasut tersebut.

- A RM11 200
- B RM8 400
- C RM4 800
- D RM3 600

40. Berikut adalah petikan daripada buku Kilang Batik Aminah pada 31 Mac 2021.

	RM
Gaji pengurus kilang	25 000
Gaji kerani pejabat	16 000
Gaji operator	12 000

Maklumat tambahan:

- Gaji operator belum bayar ialah RM1 500.
- Sebanyak 5% daripada gaji pengurus kilang adalah gaji operator.

Kirakan kos buruh langsung.

- A RM14 750
- B RM13 500
- C RM12 000
- D RM11 750

**KERTAS SOALAN TAMAT**